

1976
KUALA LUMPUR, 8-DIS. (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD, MENDAKWA ADA GOLONGAN RAKYAT MALAYSIA YANG SANGGUP PERGI KE LUAR NEGERI DAN MEMBURUKKAN NEGARA SENDIRI SERTA MENGUTUK NASIONALISMA MELAYU.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KETIKA BERUCAP MERASMIKAN SIMPOSIUM YANG BERTEMAKAN +KEPIMPINAN MELAYU+ ANJURAN BERSAMA JABATAN PENGAJIAN MELAYU DAN PERSATUAN BAHASA MELAYU UNIVERSITI MALAYA DISINI MALAM INI.

KATANYA, MEREKA ITU BERSAHABAT DENGAN ORANG LAIN DI LUAR NEGERI MEMBURUKKAN NEGARA SENDIRI DAN KEPIMPINAN YANG BERTERASKAN MELAYU.

+ORANG INI KONONNYA PATRIOT DAN KALAU DIPUJI OLEH ORANG LAIN, TERUTAMA YANG KULIT PUTIH MAKA KEMBANGLAH MEREKA DAN SANGGUP PULA MENGELIRU LAGI ORANG MELAYU DENGAN KEPIMPINAN MEREKA, + KATANYA,

MENURUT BELIAU RAMAI JUGA ORANG MELAYU YANG TERIKUT-IKUT DENGAN PENDAPAT GOLONGAN ITU DAN INI MENYEBABKAN PECAHBELAH DI KALANGAN ORANG MELAYU. -- BERSAMBUNG 2014/LK

££

B664:

NASIONALISMA 2 KUALA LUMPUR

MENURUT BELIAU MASYARAKAT ORANG MELAYU BELUM KUKUH DAN NEGARA YANG MEREKA DUDUKI BUKAN DIDUDUKI OLEH MEREKA SAHAJA.

KATANYA, PEMBANGUNAN ORANG MELAYU BELUM SEMPURNA DAN KEDUDUKAN MEREKA HAMPIR DI SEMUA LAPANGAN AMATLAH LEMAH.

+APABILA MASYARAKAT MELAYU INI DISERANG OLEH PROSES YANG DI SEBUT TADI, MAKA MEREKA MENERIMA AKIBAT YANG LEBIH BURUK.

+ORANG MELAYU SEKARANG SUDAH HAMPIR TIDAK TAHU ARAH. MENGIKUT SALAH, TAK MENGIKUTPUN SALAH. BERKECUALI SALAH, TAK BERKECUALI SALAH, + KATANYA.

BELIAU BERKATA GAMBARAN INI MUNGKIN KETERLALUAN, TETAPI KETERLALUAN ADALAH RELATIF.

+APA YANG KETERLALUAN DAHULU ADALAH PERKARA BIASA SEKARANG, DA APA YANG KETERLALUAN DIPANDANG DARI KACAMATA SEKARANG MENJADI PERKARA BIASA DI MASA AKAN DATANG.

+DILIHAT DARI KACAMATA 1946 ATAU 1957 MASALAH KEPIMPINAN ORANG MELAYU SEKARANG ADALAH TERLALU BURUK, + TAMBAR BELIAU. - BERSAMBUNG 2016/LK

££

B665:

NASIONALISMA 3 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR BERKATA DI ZAMAN INI ORANG MELAYU TERDEDIAH KEPADA BERBAGAI JNIS KEPIMPINAN DAN BERIBU-RIBU PEMIMPIN KERANA SEKIAN LAMA DEMOKRASI TELAH BERJALAN.

KATANYA, ORANG MELAYU DIAJAK PERGI KE KIRI DAN KE KANAN, KE DEPAN DAN KE BELAKANG SERTA KE ATAS DAN BAWAH.

TAMBAH BELIAU MEREKA JUGA DISURUH MENERIMA IDIOLOGI DAN DISURUH JANGAN ADA IDIOLOGI DAN SERIBU SATU LAGI SERUAN YANG BERTENTANGAN YANG DATANG DARI PEMIMPIN DAN KEPIMPINAN ORANG MELAYU SENDIRI.

+TIDAKLAH HAIRAN KENAPA ORANG MELAYU SUDAH MENJADI TIDAK TAHU ARAH SEKARANG, TIDAK TAHU HALUAN DAN MATALAMAT YANG NAK DITAMBAH.

+KALAU DALAM TAHUN-TAHUN 1946-1957 MEREKA KUKUH PERPADUAN DAN DAPAT MEMBULATKAN TENAGA UNTUK MEMCapai MATLAMAT YANG DITENTUKAN OLEH PEIMPIN MEREKA. SEKARANG MEREKA TERBAHAGI KEPADA SERIBU-SATU KUMPULAN YANG SERING BERCAKARAN DI ANTARA SATU SAMA LAIN, + KATANYA,

--BERSAMBUNG 2020/LK

BELIAU BERKATA DAHULU HAMPIR SEMUA ORANG MELAYU ADALAH NASIONALIS 163
YANG SAYANG KEPADA BANGSA MEREKA.

TETAPI, KATANYA, SEKARANG ADA YANG DENGAN LANTANG BERKATA MENJADI
NASIONALIS MELAYU ADALAH SEMPIT DAN TIDAK ISLAM.

BELIAU BERKATA SEBAGAI ORANG ISLAM NASIONALISMA TIDAK PERLU YANG
PERLU IALAH PERPADUAN DALAM ISLAM SAHAJA DAN DENGAN ITU MEREKA TERUS
MENGECEM NASIONALIS MELAYU SEBAGAI TIDAK BEGITU ISLAM.

MENURUT BELIAU MALANGNYA SERANGAN MEREKA TIDAK MENYATUPADUKAN
ORANG MELAYU SEBAGAI ORANG ISLAM, TETAPI MEMECAH DAN MELEMAHKAN
MEREKA SEBAGAI PENGANUT AGAMA ISLAM.

KATANYA, ADA YANG BERJALAN KE MERATA-RATA DUNIA ISLAM UNTUK
MEMBURUKKAN ORANG MELAYU DAN KERAJAAN PIMPINAN ORANG MELAYU SEBAGAI
KERAJAAN YANG CUMA NASIONALIS DAN TIDAK BEGITU ISLAM. -- BERSAMBUNG
2027/LK

EE

B667:

NASIONALISMA 5 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR BERKATA DEMOKRASI PERPARLIMEN DAN MENJADIKAN
RAJA SEBAGAI +RAJA BERPERLEMBAGAAN+, TIDAK BERMAKNA
DEMOKRASI TIDAK BAIK BAGI ORANG MELAYU.

KATANYA, MEMANG SISTEM DEMOKRASI LEBIH BAIK DARI SISTEM FUEDAL
TETAPI KEBAIKAN SESUATU SISTEM TIDAK DAPAT MENJAMIN
KESAN YANG BAIK DARI SISTEM ITU.

BELIAU BERKATA SISTEM DEMOKRASI MEMBERI PELUANG KEPADA SIAPA
SAJA UNTUK MENJADI PEMIMPIN.

BELIAU MENGHARAPKAN SIMPOSIUM ITU TIDAK AKAN MENJADI FORAM-
MEMBURUK PEMIMPIN DAN MENEGAKKAN KEPIMPINAN, KUMPULAN-KUMPULAN
TERTENTU YANG BELUM DAPAT TEMPAT. -- BERNAMA 2025/LK